

ABSTRAK

Projek penyelidikan ini merupakan usaha dan langkah awal dalam meningkatkan aktiviti pemuliharaan ke atas bangunan-bangunan warisan di Bandaraya Alor Star bagi menyokong pembangunan pelancongan warisan di Alor Star memandangkan aktiviti pemuliharaan tersebut masih kurang diberi perhatian pada masa sekarang. Justeru, penyelidikan ini bertujuan mengenalpasti aspek pemuliharaan yang telah dan perlu dilakukan ke atas bangunan-bangunan warisan di Alor Star. Bagaimana pun, skop kajian ini adalah tertumpu kepada aspek pemuliharaan bangunan-bangunan rumah kedai tradisional yang terletak di Pekan Cina dan Pekan Melayu yang merupakan kawasan awal kewujudan pusat perdagangan di Alor Star pada zaman dahulu. Terdapat 205 bangunan rumah kedai tradisional di kawasan kajian dan kajian dilakukan untuk mengenalpasti keadaan fasad dan struktur bangunan-bangunan rumah kedai tradisional serta aspek pemuliharaan yang diperlukan ke atas bangunan-bangunan tersebut. Hasil kajian ini dapat membantu khususnya kepada Pihak Berkuasa Tempatan dalam membekalkan maklumat pemuliharaan bangunan warisan dan seterusnya menentukan tindakan yang perlu diambil bagi memulihara bangunan-bangunan yang telah uzur di Bandaraya ini. Selain itu, kajian penting dalam usaha menjadikan pelancongan warisan sebagai alternatif kepada aktiviti pelancongan di Bandaraya Alor Star pada masa hadapan.